

08 JUL 1997

BSKL AKAN PASANG SISTEM SUMBER MANUSIA 'PEOPLESOFT' DI PEJABAT BARU

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini menandatangani perjanjian jual dan beli dengan KE Systems Sdn Bhd untuk memasang kemudahan bernilai RM1.2 juta dinamakan "PeopleSoft Human Resource Management and Payroll System" di ibu pejabat barunya di Jalan Raja Chulan.

Sistem itu akan membantu kumpulan syarikat-syarikat BSKL menyeragamkan dan menyatukan maklumat bagi kira-kira 1,000 orang pekerja dalam kumpulan itu.

Projek itu, yang dijangka siap dalam masa lapan bulan, mengandungi tiga peringkat.

Pengerusi eksekutif BSKL Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff, yang menandatangani perjanjian itu bagi pihak bursa, memberitahu pemberita bahawa fasa pertama akan membabitkan pelaksanaan dua modul -- pentadbiran peribadi dan pengurusan jawatan.

Fasa kedua akan mengandungi tiga modul -- gaji, latihan pentadbiran dan urusan gaji. Fasa ketiga akan mengandungi modul-modul pengambilan, faedah-faedah dan perancangan kerjaya.

Nik Din berkata inisiatif yang jatuh di bawah rancangan pembangunan BSKL telah mengenal pasti teknologi maklumat sebagai pendorong utama bagi cabaran-cabaran dan peluang-peluang masa akan datang.

"Dengan perjanjian ini, BSKL akan menyertai bursa-bursa saham berkelas dunia lain, termasuk Bursa Saham New York, yang adalah juga pelanggan PeopleSoft."

Tambahnya bahawa BSKL sedang menumpukan kepada pembangunan teknologi maklumat di ibu pejabat barunya, yang disifatkan beliau sebagai bangunan pintar, dan akan menubuhkan satu sistem urus niaga baru.

Nik Din juga berkata bahawa rancangan pembangunan lima tahun BSKL yang dilancarkan tahun lalu bertujuan untuk menukar bursa tempatan menjadi pasaran berkelas dunia menjelang abad akan datang.

"Kami bercadang mempertingkatkan setiap aspek operasi kami, sistem, penjelasan dan pengumpulan data," katanya.

Mengenai pemindahan BSKL ke bangunan barunya, katanya ia dijangka siap menjelang akhir bulan ini.

Ibu pejabat baru itu akan dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 Ogos. -- BERNAMA

DVS OS/sia